

Keperluan universiti ke-6 dikaji

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan sedang mengkaji keperluan negara untuk memastikan sama ada universiti keenam wajar diwujudkan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan dalam satu sidang akhbar di Kementerian Luar Negeri di sini hari ini, kajian itu juga akan memastikan, adakah perlu bagi kerajaan memperbesarkan fakulti-fakulti tertentu yang ada sekarang atau pun menambahkan jumlah kemasukan pelajar setiap tahun.

Beliau menegaskan demikian kerana katanya, kini lebih kurang 40,000 pelajar Malaysia berada di luar negeri.

"Kalau kita membelanjakan \$1,000 bagi setiap pelajar setahun, bermakna \$40 juta wang negara mengalir keluar setiap tahun.

"Tapi kita mesti menyedari, perbelanjaan bagi setiap pelajar di Britain setiap tahun ialah \$14,000 dan di Amerika Syarikat \$12,000. Oleh itu kita dapat mengagak berapa jutakah wang negara mengalir keluar setiap tahun.

"Perkara inilah yang merisaukan saya sekarang," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, keperluan untuk belajarkian meningkat dengan bertambahnya kemajuan di negara ini.

Sebab itulah, tambahnya, kerajaan mengarahkan Kementerian Pelajaran mengumpulkan maklumat mengenai pelajar Malaysia di seberang laut, untuk memastikan jurusan apakah yang mereka pelajari dan sebagainya.

"Berikutan polisi setengah-setengah negara terhadap pelajar Malaysia sekarang, kerajaan mungkin memperbesarkan setengah-setengah fakulti tertentu di universiti-universiti tempatan.

"Ataupun kita akan mengkaji kemungkinan

Oleh **RUHANIE HAJI AHMAD**

mewujudkan sebuah lagi universiti di Malaysia. Ini bergantung kepada berapakah jumlah wang yang kita belanjakan hari ini," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyambung: "Semakin negara kita berkembang, permintaan untuk pelajaran juga meningkat.

"Dulu kita mempunyai satu universiti sahaja. Sekarang kita mempunyai lima universiti. Tetapi, hakikat bahawa kita mempunyai lima universiti tidak bermakna kita tidak pula boleh mewujudkan universiti yang keenam di negara ini.

Melatih

"Segala-galanya bergantung kepada permintaan dan keperluan negara. Sekiranya didapati perlu, mungkin kita hanya memperbesarkan saja jumlah kemasukan pelajar setiap tahun ke universiti-universiti tempatan."

Ditanya mengenai cadangan Malaysia menghantar lebih ramai pelajarinya ke Korea Selatan dan Jepun, Perdana Menteri berkata, penekanan akan ditumpukan kepada latihan praktikal dan belajar di industri-industri yang mempunyai perkaitan dengan Malaysia.

Katanya, kerajaan akan mewujudkan institusi-institusi tertentu untuk melatih pelajar yang dipilih ke Jepun dan Ko-

rea Selatan untuk mempelajari bahasa kedua negara itu.

Menurut Perdana Menteri, tidak semestinya pelajar Malaysia itu akan dihantar belajar di universiti-universiti di Jepun dan Korea Selatan.

"Kita akan menghantar lebih ramai rakyat Malaysia belajar di industri-industri dan bukannya di universiti, kerana belajar di universiti memerlukan syarat-syarat tertentu.

"Dengan belajar di industri-industri, lebih ramai rakyat kita akan berpeluang belajar di Jepun dan Korea Selatan," katanya.

Ditanya sama ada perlu bagi kerajaan mengambil pelatih dari Jepun untuk melatih anak tempatan di dalam negeri, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, perkara ini memang boleh dijalankan sama ada oleh kerajaan sendiri atau pun syarikat yang mempunyai kilang-kilangnya di sini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia